



Mahasiswa perlu bijak urus kewangan

Islam menggariskan lima prinsip Maqasid Syariah (Maslahat Dharuriyyah) yang terdiri daripada 'hifz mal' iaitu penjagaan harta sebagai salah satu elemen maqasid yang menjadi model strategik dalam pentadbiran negara ke arah lebih maju dan harmoni.

Prinsip asas itu juga menjadi keperluan fundamental kepada pengukuhan sistem pengurusan kewangan dan ekonomi negara. Firman Allah SWT bermaksud: "Dan (ingatlah) ketika Tuhanmu berfirman kepada malaikat: 'Sesungguhnya Aku hendak menjadikan seorang khalifah di bumi.'" (Surah al-Baqarah: Ayat 29)

Ayat itu mengingatkan kita tanggungjawab sebagai khalifah atau pentadbir alam ini. Pengurusan kewangan adalah satu daripada elemen dalam sistem pentadbiran negara.

Namun, apabila berbicara mengenai mahasiswa dan pengurusan wang, kita harus melihat daripada kaca mata lebih dekat. Sebagai mahasiswa, kita sendiri yang memahaminya bagaimana sikap kita dalam menguruskan kehidu-

pan seharian.

Umum mengetahui, rata-rata pelajar universiti tidak bekerja secara sambilan bagi menambah pendapatan sampingan. Mereka bergantung sepenuhnya kepada pinjaman Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) dan sekiranya bernasib baik, mungkin mendapat biasiswa MARA atau Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA).

Oleh itu, perancangan kewangan yang teliti dan baik harus direncanakan untuk mengelakkan diri daripada berhutang atau belanja berlebihan kepada perkara tidak perlu.

Jamin kehidupan

Menurut konteks Islam, harta dan kewangan merupakan alat untuk menjamin kelangsungan hidup manusia, manakala pengurusan yang baik dapat membawa kepada kehidupan lebih ihsan.

Dunia hari ini mengiktiraf elemen Islam dalam sistem kewangan dan pengurusan harta. Justeru sebagai seorang Muslim, elemen itu harus diterapkan dalam pengurusan kewangan supaya

harta yang diamanahkan oleh Allah SWT kepada hamba-Nya dapat diuruskan dengan baik.

Apakah cara terbaik kepada mahasiswa bagi mengurus dan merancang kewangan supaya lebih bijak berbelanja dan menabung dalam keadaan kewangan terbatas serta ekonomi tidak stabil ketika ini?

Berikut adalah beberapa cadangan dalam menangani hal ini. Pertama, catat aliran



**JAUHKAN DIRI
DARIPADA SIKAP
NEGATIF SEPERTI
MENGUNAKAN
KAD KREDIT, BAN-
YAK BERHUTANG
ATAU MENGAMAL-
KAN GAYA
HIDUP MEWAH"**



Mahasiswa perlu bijak dalam menguruskan wang.

GAMBAR HIASAN

duit keluar dan masuk. Ini sangat penting supaya mahasiswa cakna akan perbelanjaan harian dan ke mana duit disalurkan.

Sebagai contoh, duit pinjaman digunakan untuk membayar yuran, makan dan minum, minyak kenderaan, buku rujukan, sewa rumah, pembelian kad tambah nilai prabayar dan keperluan asas. Jadikan selebihnya sebagai tabungan bulanan kita.

Kedua, tanamkan tekad untuk menabung dan menderma. Saya faham, sangat susah untuk menabung dalam keadaan kewangan yang sangat terbatas ini. Menabung walaupun jumlahnya sedikit. Pupukkan usaha untuk berinfak di jalan-Nya supaya rezeki yang diperoleh semakin bertambah.

Keempat, jauhan diri

daripada sikap negatif seperti menggunakan kad kredit, banyak berhutang atau mengamalkan gaya hidup mewah. Beli barang mengikut keperluan, bukannya kehendak.

Jauhi sikap negatif

Akhir sekali, mulakan perniagaan sampingan secara kecil-kecilan. Tidak dinafikan, dunia perniagaan adalah dunia yang mencabar. Namun, jika kita lihat mereka yang berjaya dalam dunia ini semuanya bermula daripada bawah dan mengalami kepayahan pada peringkat awal.

Tidak salah jika bertatih dalam perniagaan di samping mengasah kemahiran insaniah dan memperbaiki cara

komunikasi berkesan dengan pelanggan. Jangan terjebak dengan skim pelaburan cepat kaya atau bisnis yang tidak patuh syariah. Sebaiknya dapatkan nasihat pakar sebelum menceburkan diri dalam sesuatu perniagaan.

Islam merupakan agama syumul dan menyeluruh, dengan merangkumi aspek spiritual dan material yang menyeimbangkan umatnya serta memberi panduan lengkap.

Sudah menjadi tanggungjawab kita untuk mengaplikasikan aspek aqli dan naqli (dunia dan akhirat) dalam kehidupan seharian untuk melahirkan umat sejahtera dan seimbang.

Mahasiswa yang berminat untuk menghantar rencana, boleh e-mel ke bhvarsiti@bh.com.my